



# SINGA BUDAK BERTOMPOK BIRU

BROUGHT TO YOU BY:  
[WWW.CREMALAYSIA.COM](http://WWW.CREMALAYSIA.COM)

## Chapter 1


### Singa ke sekolah



Singa merasa sangat teruja. Dia pergi ke sekolah. Hari ini adalah hari pertama persekolahan. Ibu Singa telah membelikan Singa sebuah beg sekolah jenama Power Rangers. Singa merasa sangat gembira dan pergi ke sekolah dengan beg baru yang dibeli oleh ibunya! Di sekolah, semua orang memperhatikan Singa. **Singa tertanya-tanya kenapa semua orang memperhatikannya.** Mungkin sebab beg Power Rangers yang baru? Kemudian, ibu Singa meninggalkannya di kelas dengan pelukan dan ciuman. Dia memberitahu Singa untuk **berasa gembira berada di sekolah dan memberi jaminan kepadanya bahawa belajar di sekolah sangat menyenangkan.**



Singa disambut oleh gurunya, Miss Tan, dengan senyuman. Singa duduk di sebelah Tara, seorang gadis yang memakai cermin mata. Singa menyapa Tara tetapi Tara berdiam diri. Tara memberitahu Miss Tan bahawa dia tidak mahu duduk bersebelahan Singa kerana muka Singa kelihatan menakutkan dan hodoh. Singa mempunyai tompok biru di wajahnya yang merupakan tanda lahir.



Singa menjadi sedih dan kecewa apabila Tara berkata wajahnya kelihatan hodoh dan menakutkan. Miss Tan, gurunya, menjelaskan kepada Tara, bahawa **tompok biru di wajah Singa hanyalah tanda kelahiran dan tidak sopan untuk mengatakan bahawa wajah seseorang itu menakutkan dan hodoh**. Dia menasihati Tara supaya duduk di sebelah Singa dan berkawan dengannya.

## Chapter 2

### Singa ada kawan baru

Muka sedih Singa menjadi gembira dan ceria sekali lagi selepas Tara meminta maaf kepada Singa kerana mengatakan wajah Singa hodoh dan menakutkan. Singa berjabat tangan dengan Tara dan memaafkan Tara. Dia memberitahu Tara bahawa memang biasa orang bertanyakan pada ibu atau ayahnya mengapa wajahnya mempunyai tompok biru. Tetapi Singa sudah biasa dengan renungan mahupun pertanyaan dari orang lain. Tara memberitahu Singa bahawa dia tidak pernah melihat seorang budak lelaki dengan tompok biru di mukanya. Ali yang duduk di belakang Singa bersalaman dengan Singa. **Singa sangat gembira kerana dia kini mempunyai lebih ramai kawan.** Miss Tan meminta semua murid-murid di kelasnya untuk berkawan dengan memperkenalkan diri dan mengenali satu sama lain. **Beliau mengingatkan semua anak muridnya bahawa mereka harus menghormati satu sama lain tanpa mengira jantina, bangsa, dan agama mereka.** Miss Tan menasihati anak muridnya untuk tidak menghina atau menyinggung perasaan orang lain. Tiba-tiba, loceng sekolah berbunyi menandakan masa untuk rehat.

Ibu Singa memberinya bekalan biskut dan memberitahu Singa untuk berkongsi dengan kawan-kawannya. Dia juga memberinya wang untuk membeli coklat atau gula-gula di sekolah jika Singa mahu. Singa dengan senang hati berkongsi biskutnya dengan semua kawan-kawannya. Semasa dia sedang makan bersama rakan-rakannya di kantin, seorang lelaki bersaiz besar bernama Judas menghampirinya. Judas bertanya sama ada Singa mempunyai wang. Singa memberitahu Judas bahawa dia mempunyai wang yang diberikan ibunya kepadanya. Judas meminta wang itu dari Singa.






Dia mengejek Singa dan menghina Singa dengan mengejek wajahnya yang hodoh. Singa tidak tahu apa yang harus dilakukannya dan dia berasa takut. Judas terus mengejek Singa. Tara yang duduk di sebelah Singa mula menangis kerana dia juga ketakutan.

## Chapter 3

### Singa dibuli

Loceng rehat berbunyi, tring ... tring ...


Singa dan kawan-kawannya bersedia untuk masuk ke kelas mereka. **Walaupun Judas melarang Singa dengan memegang bahu Singa dan menuntut wang dari Singa.** Dengan sopan Singa memberitahu Judas supaya tidak mengganggunya. Singa memberi amaran kepada Judas bahawa dia akan melaporkan perbuatan Judas kepada gurunya. Apabila Singa cuba untuk pergi, Judas memegang baju Singa. Singa hilang keseimbangannya dan terus jatuh. Judas terus mengejek Singa dan memanggilnya seorang yang ganjil tanpa membantu Singa. Ketika Singa bangkit, **Judas menolaknya sekali lagi dan meminta wang dari Singa.** Oleh kerana Singa berasa amat takut, Singa memberi Judas wang yang diberikan oleh ibunya. **Judas memberi amaran kepada Singa untuk tidak memberitahu sesiapa tentang apa yang berlaku dan Singa bersetuju kerana perasaan takut yang dialaminya.** Sebaik sahaja meninggalkan Judas, Singa berjalan ke bilik darjahnya bersama dengan Tara.



Tara memberitahu Singa bahawa Singa mesti memberitahu Miss Tan mengenai kejadian yang telah berlaku. Miss Tan yang melihat Tara menangis dan keadaan Singa yang sangat terganggu, terus mendekati mereka. Dia bertanya kepada mereka apa yang berlaku. Singa memberitahu Miss Tan, bagaimana dia dibuli, dan wangnya diambil oleh Judas. Singa memberitahu Miss Tan bahawa dia berasa sangat takut Judas akan membuli dia lagi. Tetapi Miss Tan cuba menenangkan kedua-dua Singa dan Tara.

## Chapter 4

### Singa pertahankan diri




Miss Tan memberi nasihat kepada anak muridnya untuk melaporkan kepadanya sekiranya mereka dibuli di sekolah. Dia memberitahu mereka untuk menjerit dan meminta pertolongan jika pembuli itu menyakiti atau mengancam mereka. Dia memberitahu anak muridnya untuk berteriak sekuat-kuat nya seperti singa mengaum untuk meminta pertolongan jika ada murid lain yang menyakitkan atau membahayakan mereka.

Miss Tan memberitahu Singa juga supaya berani dan tidak takut kepada pembuli dan memberitahu Singa untuk pergi dan mencuci mukanya.

Ketika Singa berjalan keluar dari bilik air, dia terserampak sekali lagi dengan Judas. Judas terus menghina Singa dan memberi amaran kepada Singa supaya tidak memberitahu sesiapa bahawa Judas telah mengambil wang dari Singa. Pada ketika itu, Singa teringat nasihat Miss Tan untuk meminta bantuan jika dia dibuli.



Singa terus **berteriak sekuat-kuatnya** seperti singa mengaum, meminta bantuan!!



Guru-guru yang berhampiran dengan Singa terus berlari untuk membantu Singa dan Judas diserahkan kepada Encik Pillay, Guru Disiplin di sekolah itu.

## Chapter 5

### Singa berasa gembira

Selepas kejadian di atas, Singa berasa sangat gembira dan tidak lagi berasa takut kepada mana-mana pembuli. Singa sedar sekiranya dia berani, tiada siapa akan membulinya. Dia akan sentiasa ingat nasihat yang diberikan oleh Miss Tan iaitu, meminta bantuan jikalau dibuli dan berteriak seperti singa mengaum untuk menakutkan pembuli. Rakan-rakan Singa sangat bangga dengannya dan semua rakan sekelasnya adalah kawan baiknya sekarang. Tara memuji keberanian Singa dan mereka menjadi kawan baik. Miss Tan melantik Singa sebagai ketua darjah. Tiada siapa yang mengejeknya lagi. Singa, yang dulu di gelar sebagai budak bertompok biru, kini dikenali sebagai Singa budak lelaki yang gagah dan berani.



## Terima Kasih Kerana Sudi Membaca

Apa yang perlu kamu buat sekiranya kamu menjadi mangsa buli di sekolah atau siber?

1. Laporkan kepada guru/kaunselor sekolah kamu.
2. Ceritakan kepada ibu-bapa/ahli keluarga
3. Minta bantuan melalui:
  - A) Sistem Aduan SISPAAP (03-88849325)
  - B) Telefon/WhatsApp (014-800 9325)
  - C) Talian Kasih (15999)
  - D) Email ([adubuli@moe.gov.my](mailto:adubuli@moe.gov.my))



-Tamat-